



F&N Dairies' range of pasteurised products. / Pilihan produk pastur Fe&N Dairies.

The ice cream division remained among the top three market players. A brand rationalisation exercise was implemented this year. In the case of **Magnolia**, sales for sticks and cones improved considerably over the previous year. All novelty items were outsourced from our related company in Thailand. Distribution networks were broadened significantly and extended into schools and external outlets like petrol kiosks. Regular new product introductions and promotions continue to be the key drivers of sales volume and market growth.

Operations Review


KAJIAN OPERASI




The new Magnolia "MAG a CONE Supremo" range.

Pilihan "MAG a CONE Supremo" Magnolia yang baru.

Revenue Hasil



Profit Before Tax Keuntungan Sebelum Cukai



Assets Employed Aset Digunakan



F&N Dairies' mascot, "Gotcha", distributing ice-cream to the school children.

Maskot Fe&N Dairies, "Gotcha" memberi ais krim kepada kanak-kanak sekolah.

pertambahan potensi pasaran yang ketara. Pasukan saluran pengedaran yang berdedikasi telah dibentuk untuk memfokus kepada segmen makanan dan minuman. Sokongan pemasaran yang kreatif dalam promosi pengguna dan media juga telah membantu pertumbuhan produk ini. Semua aktiviti ini telah diperhebatkan melalui **Sunkist** dan **Daisy Hi-Lo**.

Bahagian ais krim kekal sebagai antara tiga peneraju pasaran yang paling terkemuka. Langkah rasionalisasi jenama telah dilaksanakan pada tahun ini. Aiskrim **Magnolia** menikmati peningkatan ketara dalam jualan aiskrim batang dan kon berbanding pencapaiannya pada tahun sebelumnya. Kebanyakan produk novelty kami didapati dari sumber syarikat berkaitan kami di Thailand. Rangkaian pengedaran telah diperluaskan dengan ketara dan turut meliputi kedai di sekolah-sekolah dan saluran luar seperti stesen minyak. Pengenalan produk baru dan promosi secara kerap terus menjadi pendorong utama yang menyebabkan pertambahan jualan dan pertumbuhan pasaran.



Magnolia "Gotcha" range of ice-cream.

Pilihan aiskrim Magnolia "Gotcha".

Glass Packaging Pembungkusan Kaca



Signing of Joint Venture Agreement
between Malaya Glass Products Sdn Bhd
and Tuopai Yeast Liquor Co Ltd, Sichuan.

*Menandatangani Perjanjian Usahasama antara
Malaya Glass Products Sdn Bhd dan Tuopai Yeast
Liquor Co Ltd, Sichuan.*

Pre-tax profit of glass operations grew 50.5%, on the back of a 12.7% improvement in revenue. The better achievement was primarily driven by the successful integration of Kuala Lumpur Glass Manufacturers Co. Sdn Bhd ("KLG"), which was acquired in May 2000, and the stability of prices in both its domestic and export markets.

The consolidation of KLG had provided an opportunity to extend its export base and to better serve its customers in the central and northern regions of Malaysia. This, in turn, helped the glass operations to rationalise costs and thus improving margins.

All plants operated at full capacity during the year. The current total capacity is 720 tonnes per day, of which 560 tonnes per day are contributed from two plants in Malaysia and the remaining 160 tonnes per day from the plant in Vietnam.

Domestic sales in Malaysia and Vietnam collectively accounted approximately 75% of the glass revenue, while the remainder was exported to neighbouring countries, such as the Philippines, Hong Kong, Myanmar, Papua New Guinea and Taiwan.

During the year, the glass operations continued to invest in capital expenditure to enhance productivity and quality of its production facilities. These investments included additional inspection equipment, replacement production line and furnace upgrade. These modern improvements helped enhance quality of products, provide better efficiency and increased productivity.

In August this year, Malaya Glass Products Sdn Bhd ("MGP") ventured into China with a joint venture agreement to establish a glass manufacturing plant in Sichuan, China. The joint venture company, which will be 60% owned by MGP, will have a production capacity of 270 tonnes per day and is scheduled to commence operation by October 2002.

Our glass plant in Vietnam is also a model joint venture company for the Group. During the financial year, the Ministry of Industry and the People's Committee of Ho Chi Minh City awarded the Vietnam company merit certificates for employee excellence practices.

Keuntungan sebelum cukai operasi kaca meningkat sebanyak 50.5% daripada peningkatan hasil sebanyak 12.7%. Pencapaian bertambah baik ini telah disebabkan terutamanya oleh kejayaan penyatuan Kuala Lumpur Glass Manufacturers Co. Sdn Bhd ("KLG") yang diambilalih pada bulan Mei 2000 dan ketabilan harga di pasaran domestik dan eksport.

Penyatuan KLG telah memberi peluang untuk meluaskan aras eksport dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan di kawasan tengah dan utara Malaysia. Ini sebaliknya telah membantu operasi Kaca merasionalisasi kos dan dengan demikian mempertingkatkan margin.

Semua loji beroperasi di paras kapasiti penuh pada tahun ini. Jumlah kapasiti semasa adalah sebanyak 720 tan sehari, di mana 560 tan sehari disumbangkan oleh dua loji di Malaysia dan baki 160 tan sehari lagi oleh loji di Vietnam.

Jualan domestik di Malaysia dan Vietnam secara kolektif berjumlah kira-kira 75% daripada hasil kaca, sementara selebihnya dieksport ke beberapa negara jiran seperti Filipina, Hong Kong, Myanmar, Papua New Guinea dan Taiwan.

Pada tahun ini, operasi kaca terus menyalurkan pelaburannya ke dalam perbelanjaan modal untuk mempertingkatkan produktiviti dan kualiti kemudahan pengeluarannya. Pelaburan ini meliputi pemeriksaan peralatan, penggantian barisan pengeluaran dan peningkatan keupayaan relau. Pelaburan yang melibatkan penggunaan kemudahan moden ini telah membantu mempertingkatkan kualiti produk, menyediakan kecekapan yang lebih tinggi dan menambah produktiviti.


Pada bulan Ogos tahun ini, Malaya Glass Products Sdn Bhd ("MGP") telah memasuki ke dalam perniagaan di China melalui perjanjian usahasama untuk menubuhkan sebuah loji pengilangan kaca di Sichuan, China. Syarikat usahasama di mana MGP bakal memiliki 60% kepentingan di dalamnya akan mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 270 tan sehari dan dijadual akan memulakan operasi menjelang bulan Oktober 2002.

Loji kaca kami di Vietnam juga merupakan sebuah syarikat usahasama contoh bagi Kumpulan ini. Pada tahun kewangan ini, Kementerian Industri dan Jawatankuasa Penduduk Ho Chi Minh telah memberi anugerah sijil penghargaan kepada syarikat Vietnam ini kerana melaksanakan amalan kakitangan yang baik.


**Revenue
Hasil**



**Profit Before Tax
Keuntungan Sebelum Cukai**



**Assets Employed
Aset Digunakan**



Human Resource Sumber Manusia



Mr. Tan Ang Meng, CEO presenting a momento to the Minister of Human Resources, Dato' Dr. Fong Chan Onn for officiating the Industrial Relation Workshop in August 2001.

Encik Tan Ang Meng, CEO menyampaikan cenderahati tanda ingatan kepada Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Fong Chan Onn kerana merasmikan Hubungan Pekerjaan Perindustrian pada bulan Ogos 2001.

Launch of Code of Sexual Harassment by Minister of Family and Women Development, YB Dato' Shahrizat Abdul Jalil.

Pelancaran Kod Gangguan Seksual oleh Menteri Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato' Shahrizat Abdul Jalil.



It is a truism that the people behind a company shape the company. The collective talents and expertise of our human resources pool facilitate cohesive organisational integration to give impetus to business expansion. It is for this reason that F&N Group places top priority on the development of its human resource capabilities.

Throughout the year, a series of effective manpower planning and systematic training programme were conducted across the board to achieve the Group's mission of cultivating a thriving and positive work environment leading to individual excellence. In addition, the Group embraced best practices in the areas of health, safety and the environment (HSE).

As part of the **Total Quality Management** programme, the soft drinks operation also launched the quality practices on sorting, orderliness, cleaning, standardisation and discipline. Over 400 employees from manufacturing, warehouse and logistics, head of departments and senior management participated in the programme.

Improving the environment of workplace has always been a challenge to keep employees motivated. Taking the advice from the Government, the Group implemented a **Code of Sexual Harassment** in all of its operations. The Code was launched by the Minister of Family and Women Development, YB Dato' Shahrizat Abdul Jalil, in September this year. The Code aims to provide clear and practical procedures in dealing with sexual harassment at the workplace.

Improving industrial relations at the workplace received attention during the year. The Group, together with The New Straits Times jointly sponsored a three-day National Symposium on **Employment Relations In The New Malaysia Era** in August this year. It was graciously opened by Human Resources Minister, YB Dato' Dr Fong Chan Onn.

The symposium, being the first ever held in the country, was well received and actively participated by employers, trade unions and employees. It debated on the three crucial labour laws – the Employment Act 1955, Industrial Relations Act 1967 and the Trade Unions Act 1959, which determine the industrial relations climate of the country.

In a continued grand tradition to appreciate long service employees during the year, a total of 92 employees were granted awards for services of more than 15 years, of which 63 employees had more than 25 years of service.

At the end of the financial year, the Group's total workforce count was 4,304 employees, an increase of 4%.

Tenaga manusia di sebalik sebuah syarikat itu pada hakikatnya membantu membentuk keperibadian syarikat tersebut. Gandingan bakat dan kepakaran kumpulan sumber manusia kami menyediakan keeratan penyatuan organisasi yang mendorong kepada pertumbuhan perniagaan kami. Atas sebab inilah, F&N sentiasa bertekad untuk memberikan keutamaan terhadap pembangunan keupayaan sumber manusianya.

Sepanjang tahun ini, satu siri program perancangan tenaga manusia dan latihan sistematis yang berkesan telah dianjurkan secara menyeluruh untuk mencapai misi Kumpulan bagi memupuk satu persekitaran yang makmur dan positif yang mampu membina kecemerlangan individu. Di samping itu, Kumpulan turut mendokong amalan terbaik dalam beberapa bidang seperti kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE).

Sebagai sebahagian daripada program **Pengurusan Kualiti Menyeluruh**, operasi minuman ringan juga telah melancarkan amalan kualiti terbaik dalam pengasingan, pengaturan, kebersihan, penetapan piawaian dan disiplin. Lebih 400 orang kakitangan yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan pengurusan kanan bahagian perkilangan, gudang dan logistik telah mengambil bahagian dalam program ini.

Usaha meningkatkan persekitaran di tempat kerja sentiasa menjadi suatu cabaran untuk mengekalkan tahap motivasi kakitangan. Kumpulan telah melaksanakan **Undang-undang Gangguan Seksual** dalam semua operasinya, selaras dengan nasihat daripada Kerajaan. Undang-undang ini telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato' Shahrizat Abdul Jalil pada bulan September tahun ini. Ia bertujuan untuk menyediakan satu prosedur yang nyata dan praktikal dalam menangani isu gangguan seksual di tempat kerja.

Usaha mempertingkatkan hubungan perindustrian di tempat kerja terus diberikan perhatian pada tahun ini. Kumpulan ini dan The New Straits Times telah bersama-sama menjaya satu Simposium Kebangsaan mengenai **Hubungan Pekerjaan dalam Era Malaysia Baru** selama tiga hari yang berlangsung pada bulan Ogos tahun ini. Acara ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Dr Fong Chan Onn.

Simposium yang julung kali diadakan di negara kita ini telah mendapat sambutan menggalakkan dan disertai secara aktif oleh para majikan, kesatuan-kesatuan sekerja dan kakitangan. Ia telah berhujjah mengenai tiga undang-undang buruh yang penting – Akta Pekerjaan 1955, Akta Perhubungan Perindustrian 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959, yang menentukan iklim perhubungan perindustrian di negara ini.

Bagi meneruskan tradisinya memberikan penghargaan kepada kakitangan yang telah lama berkhidmat dengan Syarikat, pada tahun ini, seramai 92 orang kakitangan telah diberikan anugerah untuk tempoh perkhidmatan lebih 15 tahun, di mana 68 orang kakitangan telah mencapai tempoh perkhidmatan melebihi 25 tahun.

Pada akhir tahun kewangan ini, Kumpulan ini mempunyai seramai 4,304 orang kakitangan, penambahan sebanyak 4%.

Community Involvement *Penglibatan Kemasyarakatan*

In line with its commitment to being a good corporate citizen, Group undertook several community-related and national grassroots development projects during the financial year.

Among the projects held each year were donations to charity events; hosting of festive dinners and luncheons for underprivileged children and senior citizens; contributions to the sick, needy and less fortunate people and the sponsorship of **F&N** products for fund-raising events through relevant associations, schools and our trade partners.

In recognition of the importance and to promote national youth and sports development in the country, the Group was involved in the sponsorship of several major sporting events, including Malaysia's hosting of the **XXI SEA Games** held in Kuala Lumpur from 8-17 September this year.

Other major events include **The Starwalk, Coca-Cola Cup, Ipoh Master Badminton Championship, The World Street Soccer Tournament, Sabah Adventure Challenge** and the football grassroots development programme, **F&N Tunas Bolasepak**.

Sponsorship of these major events had in no small way enabled the Group to prominently promote our F&N brand equity in the sporting limelight at both national and international levels.



Sponsorship of sporting event.

Penajaan acara sukan.



"Gotcha" Roadshow in Kuantan.

Pameran bergerak "Gotcha" di Kuantan.

Selaras dengan komitmennya untuk menjadi sebuah warga korporat yang baik, Kumpulan ini telah menganjurkan beberapa projek berkaitan pembangunan kemasyarakatan dan pembangunan golongan muda di peringkat kebangsaan pada tahun kewangan ini.

Antara projek yang diadakan setiap tahun ialah sumbangan derma untuk acara kebajikan, penganjuran sebagai tuan rumah majlis makan musim perayaan dan majlis makan tengahari untuk kanak-kanak kurang bernasib baik serta warga tua; sumbangan kepada pesakit, mereka yang memerlukan bantuan dan insan malang serta penajaan produk F&N untuk berbagai acara mengisi tabung melalui berbagai persatuan berkaitan, sekolah dan rakan-rakan perniagaan kami.

*Sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan dan untuk mempromosi pembangunan belia dan sukan negara di peringkat kebangsaan, Kumpulan ini telah terlibat dalam penajaan beberapa acara sukan utama, termasuk ketika Malaysia menjadi tuan rumah **Sukan SEA XXI Kuala Lumpur** yang diadakan di Kuala Lumpur dari 8 - 17 September tahun ini.*

*Beberapa acara utama lain termasuk **The Starwalk, Piala Coca-Cola, Kejohanan Badminton Ipoh Master, The World Street Soccer Tournament, Cabaran Adventur Sabah** dan program pembangunan bolasepak remaja, iaitu **F&N Tunas Bolasepak**.*

Penajaan acara-acara utama ini telah membolehkan Kumpulan ini mempromosi ekuiti jenama F&N secara menyerlah dalam kemeriahan acara sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Environment Alam Sekitar

During the year, the Group continued to support and participated in environmental conservation programmes.

Some of the initiatives were to proactively educate and encourage glass recycling among the general public. During the financial year, our glass operation took part in numerous recycling campaigns, such as **“Go Green, Waste Not”** and **“Making Recycling and Teddy Bear Fun for Whole Family”**. The latter programme was also jointly held to raise funds for needy, underprivileged children.

As part of its commitment to maintain a clean environment, our glass plant in Petaling Jaya has engaged an environmental consultant to routinely check the emission for the plant to ensure that it meets the standards issued by the Department of Environment.

In addition, the multi-million ringgit wastewater treatment plant, which surpasses international standards, at the Shah Alam soft drinks plant continued to be regularly maintained and serviced.



An ongoing glass recycling campaign.

Kempen kitar semula kaca yang sedang berlangsung.



Primary school students learning about glass recycling tips at MGP's exhibition booth.

Pelajar sekolah rendah mempelajari tentang kitar semula kaca di tempat pameran MGP.

Pada tahun ini, Kumpulan ini terus memberi sokongan dan turut mengambil bahagian dalam berbagai program pemeliharaan alam sekitar.

Antara inisiatif yang disertai adalah usaha mendidik dan menggalakkan kitar semula di kalangan orang awam. Pada tahun kewangan ini, operasi kaca kita telah mengambil bahagian di dalam beberapa kempen kitar semula seperti **“Go Green, Waste Not”** dan **“Making Recycling and Teddy Bear Fun For Whole Family”**. Program kedua ini juga diadakan untuk mengumpul derma bagi membantu kanak-kanak yang kurang berasas baik.

Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mengekalkan kebersihan alam sekitar, loji kaca kami di Petaling Jaya telah mendapatkan khidmat perundingara alam sekitar untuk memeriksa secara rutin pelepasan asap bagi memastikan bahawa loji ini memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Di samping itu, loji rawatan air sisa berharga berjuta ringgit yang melebihi tahap piawaian antarabangsa di loji minuman ringan Shah Alam terus disenggara dan diservis secara kerap.